

## **30,000 Unit Rumah PR1MA akan dibina di Perak**

**Bernama**

**Jun 14, 2014**

TELUK INTAN, 14 Jun (Bernama) -- Sebanyak 30,000 unit rumah mampu milik bawah projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) akan dibina secara berperingkat di Perak dalam usaha memberikan kehidupan lebih selesa kepada rakyat.

Pengerusi Perbadanan PR1MA Malaysia Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis berkata projek itu akan dilaksanakan di setiap daerah dan bandar utama di negeri ini antaranya di Ipoh, Taiping, Slim River, Tanjung Malim dan Teluk Intan.

"Kita masih di peringkat awal perancangan dan kita jangka projek ini dapat disiapkan dalam tempoh beberapa tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran PR1MA Teluk Intan yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Dataran Menara Condong di sini, pada Sabtu.

Jamaluddin berkata rumah itu bakal dijual kepada pemohon yang layak dengan harga antara RM100,000 dan RM150,000 seunit bergantung kepada keluasan dan lokasi rumah.

Beliau berkata projek itu menawarkan beberapa skim yang sesuai kepada mereka yang layak antaranya skim sewa beli bagi membolehkan rakyat di negeri ini memiliki rumah sendiri.

"Ada skim untuk yang berpendapatan bawah RM2,000 atau RM3,000 sebulan dan saya percaya projek ini mampu memenuhi kehendak golongan berpendapatan sederhana," katanya.

Katanya kerajaan komited untuk membina rumah yang harganya 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran meskipun kos bahan binaan semakin meningkat.

Perbadanan PR1MA Malaysia ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 untuk melaksanakan program yang menyeluruh dan meluas bagi membina rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan sederhana yang tinggal di kawasan bandar di

negara ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1046178>